

# Masyarakat anggap alkohol sebagai budaya

4B 23 04 2012 A2

**KOTA KINABALU:** Alkohol dianggap sebagai sebahagian daripada budaya masyarakat di negeri ini dan ia kebiasaannya dinikmati pada kebanyakan acara berkaitan kebudayaan.

Dekan Sekolah Perubatan Universiti Malaysia Sabah (UMS), Profesor Dr Kamarudin Mudin berkata, kajian yang dijalankan oleh UMS mendapati kira-kira satu pertiga daripada mereka yang mengamalkan minum alkohol mempunyai risiko yang rendah di Sabah.

Bagaimanapun katanya, dua pertiga lagi adalah mereka yang minum pada acara yang melibatkan alkohol dan golongan berkenaan minum dalam kuantiti yang banyak.

"Kebiasaannya, golongan terbabit sering minum pada majlis seperti perkahwinan atau pengebumian yang mana ini meletakkan mereka pada

risiko yang tinggi terhadap pelbagai masalah.

"Antara masalah itu termasuklah serangan jantung, angin ahmar atau strok dan kemalangan," katanya pada Seminar Galakan Gaya Hidup Sihat: Kurangkan Kemudaratan Alkohol di sini Sabtu lepas.

Beliau berkata, satu daripada lima kemalangan yang berlaku di Malaysia adalah disebabkan oleh alkohol terutamanya mereka yang terlibat dengan acara atau pesta minum-minum.

Tambahnya, pesta seumpama itu memberi kesan terhadap masyarakat keseluruhannya yang mana ia juga punca utama kepada keganasan dan pergaduhan.

"Di Malaysia, hanya 12 peratus orang mengamalkan minum alkohol yang berisiko tinggi.

"Namun, jumlah alkohol yang diambil dalam setiap

peminum di Malaysia adalah sangat tinggi," katanya.

Jelasnya, menurut statistik Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), setiap minuman peminum Malaysia adalah kira-kira 30 liter alkohol setahun, berbanding hanya kira-kira 10 liter

diminum oleh orang-orang di Eropah," katanya.

Kamarudin berkata, kebanyakan komuniti bimbang tentang masalah-masalah yang disebabkan oleh alkohol dan cuba untuk mencari penyelesaian untuk menangani masalah itu.



**KAMARUDIN (kiri) bersama tetamu jemputan lain semasa perasmian seminar itu.**